

'BOOK AND CLAIM' DALAM RSPO PalmTrace

Untuk Pekebun Kecil Persendirian

Versi Disember 2016

RSPO-GUI-T06-017 V1.0 MAY



Kandungan

Pengenalan	2
Langkah Awal	2
Log Masuk	3
Memperuntukkan RSPO Credits	3
Memperuntukkan semula ke volum fizikal	4
<i>'Book and Claim'</i> dalam RSPO PalmTrace	5
Tawarkan RSPO Credits	7
Mendaftar rundingan luar pasaran ('OMD')	8
Membatalkan tawaran	9
Pembayaran	9
Sejarah Perdagangan, Gambaran Keseluruhan Transaksi dan Pengebilan	10
Akaun Anda	11
Sokongan	12

Pengenalan

Pada 1 Januari 2017, model rantaian pembekalan ‘Book and Claim’ telah disepadukan ke dalam sistem boleh kesan RSPO iaitu RSPO PalmTrace¹, di mana RSPO Credits boleh didagangkan. Buku panduan ini menerangkan bagaimana pekebun kecil persendirian boleh menawarkan RSPO Credits dalam RSPO PalmTrace.

Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang RSPO PalmTrace, sila hubungi pasukan sokongan kami di palmoil.support@utz.org atau hubungi kami di +31 20 820 8968.

Langkah Awal

Sebelum anda boleh mula menawarkan RSPO Credits, anda perlu

1. Menjadi ahli RSPO
2. Berdaftar dalam [RSPO PalmTrace](#) ('Palm Oil Registration')²
3. Sudah mendapat persijilan RSPO
4. Mempunyai lesen dalam RSPO PalmTrace, daripada badan pensijilan anda
5. Isi [borang](#) sebagai penjual RSPO Credits bagi memohon akses kepada ‘Book and Claim’; dan
6. Menghantar borang bersama-sama surat daripada bank anda yang mengesahkan nombor akaun bank syarikat anda ke palmoil.support@utz.org.

¹ Sebelum ini dikenali sebagai RSPO eTrace. Fungsi sedia anda RSPO eTrace akan kekal sama dalam RSPO PalmTrace.

² Pengguna yang telah membuat akaun dalam RSPO eTrace tidak perlu mendaftar sekali lagi dalam RSPO PalmTrace.

Log Masuk


Selepas pendaftaran, anda akan menerima satu emel dengan nama pengguna dan kata laluan anda. Anda boleh menggunakan untuk log masuk ke RSPO PalmTrace.



Memperuntukkan RSPO Credits

Sebelum anda boleh menawarkan RSPO Credits atau mendaftarkan rundingan luar pasaran ('Off Market Deal' atau 'OMD'), anda perlu memperuntukkan volum anda yang telah disahkan kepada RSPO Credits. Melalui peruntukan ini, anda membuat RSPO Credits anda tersedia untuk didagangkan tetapi anda belum boleh membuat tawaran di pasaran. Ini perlu dilakukan dalam [langkah berasingan](#).

Dengan lesen yang diminta oleh badan pensijilan anda, anda boleh memasuki Ruang untuk Ahli RSPO PalmTrace.



Di Bahagian Ahli, pergi ke tab '*Trading&Stock*'. Di sini anda akan mendapati volum yang disahkan untuk */S-CSPO*, */S-CSPKO* dan */S-CSPKE* seperti yang diberikan kepada anda oleh badan pensijilan anda.

Certified Volume

License ID	Valid From	Valid Till	Status
CB42602	21-10-2016	02-10-2017	Active

Product	Program	Certified Volume*	Volume Sold/Removed*	Volume Allocated as Credits*	Remaining Volume*	Trading Activity	Stock Activity
IS-CSPK0	IP	5.000	0	0	5.000		Remove Allocate Credits
IS-CSPKE	IP	5.000	0	0	5.000		Remove Allocate Credits
IS-CSPO	IP	10.000	0	0	10.000		Remove Allocate Credits

Volume in MT

Page 1 of 1 | Print | Export to Excel

Credits Overview Credit Trading

Untuk membolehkan volum anda yang telah disahkan tersedia sebagai RSPO Credits, klik pada pautan 'Allocate Credits'.

Allocate Credits

Member Details

Holding Name: Holding_1H
Member Name: 11111
RSPO Member Number: 111111
Country: Unnamed City, MALAYSIA

Input Product

Product: CSPO
Program: IP

Allocation Details

Available Volume: 7.000 MT
Volume to be Allocated as Credits:
 All Custom: 200

Output Product

Credit Type: CSPO Credit
Equivalent Credits: 200

Remaining Volume: 6.000 MT

✓ Yes, I am sure I want to allocate physical volume to credits.

Cancel OK

Nyatakan volum yang anda mahu peruntukkan kepada RSPO Credits dan sahkan dengan klik pada OK. RSPO Credits yang diperuntukkan kini boleh ditawarkan di pasaran atau satu rundingan luar pasaran ('OMD') boleh didaftarkan.

Memperuntukkan semula ke volum fizikal

Jika anda telah memperuntukkan RSPO Credits tetapi memilih untuk menjual volum anda yang telah disahkan bersijil secara fizikal kepada sebuah kilang yang sah, anda boleh memperuntukkan semula kredit kepada fizikal.

The screenshot shows the RSPO PalmTrace software interface. At the top, there's a navigation bar with links for Help, Contact, Settings, and Exit. Below it is a 'Member Area' section. The main content area has two tabs: 'Certified Volume' and 'Credits Overview'. The 'Certified Volume' tab displays a table with columns for License ID, Valid From, Valid Till, Status, Product, Program, Certified Volume*, Volume Sold/Removed*, Volume Allocated as Credits*, Remaining Volume*, Trading Activity, and Stock Activity. The 'Stock Activity' column contains links like 'Remove | Allocate Credits back to Physical', 'Allocate Credits', and 'Remove | Allocate Credits'. The 'Credits Overview' tab shows a similar table with columns for Credit Type, Program, Credits Allocated back to Physical Volume, Credits Allocated back to Physical, Credits Offload / Hold, and Available / Remaining Credits. The 'Stock Activity' column here also includes links for credits allocation.

Klik pada pautan 'Allocate back to physical', nyatakan volum yang anda mahu sediakan untuk jualan secara fizikal dan sahkan bersijil dengan klik pada OK. Kini anda boleh dagangkan volum tersebut secara fizikal kepada pembeli yang sah.

'Book and Claim' dalam RSPO PalmTrace

Apabila anda telah memperuntukkan RSPO Credits dan mahu memperdagangkannya, pergi ke bahagian 'Book and Claim' dalam RSPO PalmTrace. Untuk memasuki 'Book and Claim', anda mempunyai dua pilihan.

1. Klik pada pautan 'Credit Trading' dalam Ruang untuk Ahli di bawah 'Trading&Stock'; atau

This screenshot is similar to the one above but focuses on the 'Credit Trading' feature. It shows the same 'Certified Volume' and 'Credits Overview' tabs. The 'Stock Activity' column in the 'Certified Volume' table now includes links for 'Allocate Credits back to Physical' and 'Remove | Allocate Credits'. The 'Credits Overview' table also has a 'Stock Activity' column with similar links. A red box highlights the 'Credit Trading' button at the bottom right of the 'Credits Overview' tab.

2. Pergi ke tab 'Book and Claim' selepas log masuk dan klik pada pautan untuk masuk.


Palm Trace

Welcome | Become a Member | Traceability System | Online Training Traceability System | Member Directory | CB Directory | Downloads | FAQ | **Book and Claim**

Trading platform

Please click here to open Book & Claim in new window.

Apabila membuka bahagian ‘Book and Claim’, anda boleh mula menawarkan RSPO Credits anda. Di bawah adalah penerangan tentang bahagian-bahagian yang berbeza pada skrin mula anda



- 1 Lihat jenis-jenis kredit yang berbeza. Lihat amaun kredit anda yang telah diperuntukkan dan jalankan aktiviti bagi setiap jenis kredit.
- 2 Gambaran keseluruhan pesanan-pesanan terbuka anda. Ini ialah tawaran-tawaran untuk jenis kredit terpilih yang dibuat oleh anda, yang mana belum ada sebarang padanan dibuat.
- 3 Buat tawaran baharu untuk jenis kredit yang dipilih atau daftarkan rundingan luar pasaran ('OMD'). Mata wang yang digunakan ialah Dolar AS.

- 4** Lihat maklumat pasaran terkini untuk jenis kredit yang dipilih.

Tawarkan RSPO Credits

Untuk menawarkan RSPO Credits di pasaran, mula-mula pilih jenis kredit yang anda mahu jual. Pastikan anda telah [memperuntukkan](#) RSPO Credits yang mencukupi.

The screenshot shows the PalmTrace software interface for a user named "Smallholder_1". The left sidebar lists accounts: IS-CSPKO 0, IS-CSPKO 0, IS-CSPKO II, IS-CSPKO II, and Billing overview. The main area displays "Open orders IS-CSPKO 0" with a table of four orders. An orange box highlights the first order (ID 172). The right sidebar shows a modal for creating a new offer with fields for Nominal quantity, Limit, and Limit amount.

Order number	Type	Nominal quantity	Limit	Status	Executed	Price	Rate
172	offer	100 IS-CSPKO	10.00 USD	open	-IS-CSPKO	-USD	-USDS-IS-CSPKO
171	offer	70 IS-CSPKO	10.00 USD	open	-IS-CSPKO	-USD	-USDT-IS-CSPKO
173	offer	100 IS-CSPKO	10.00 USD	open	-IS-CSPKO	-USD	-USDT-IS-CSPKO
169	offer	70 IS-CSPKO	0.00 USD	pending	70 IS-CSPKO	40.00 USD	6.00 USD-IS-CSPKO

Di bahagian 'Offer' jenis kredit yang dipilih, sila masukkan amaun kredit yang anda mahu jual di pasaran dan nyatakan harga bagi setiap kredit yang anda ingin terima.

Yang terbaik – Anda akan menjual RSPO Credits pada harga terbaik yang sedang ditawarkan sekarang di pasaran oleh pembeli kredit. Padanan segera akan dibuat (kecuali pada masa sekarang tiada permintaan untuk jenis RSPO Credits ini).


Terhad – Anda boleh menetapkan harga bagi setiap kredit yang anda ingin terima. Satu padanan segera akan dibuat jika seorang pembeli kredit sedang menawarkan harga yang anda telah nyatakan.

Jika tiada padanan segera dengan pembeli kredit boleh dibuat, tawaran anda akan muncul di bawah '*Open orders*'. Sebaik sahaja seorang pembeli kredit menawarkan harga yang anda telah nyatakan, satu padanan akan dibuat. Sekiranya terdapat penjual kredit lain yang telah membuat tawaran sebelum anda, peraturan *pertama masuk, pertama keluar ('first in first out')* akan terpakai.

Klik pada 'Offer' dan sahkannya. Semua bidaan dan tawaran yang diletakkan di pasaran adalah tanpa nama. Hanya apabila padanan dibuat, barulah anda akan tahu identiti pembeli kredit tersebut.

Mendaftar rundingan luar pasaran ('OMD')

Jika anda telah membuat satu rundingan luar pasaran ('OMD') dengan pembeli kredit pilihan anda, maka anda atau pembeli perlu mendaftarkan rundingan luar pasaran tersebut dalam RSPO PalmTrace.



The screenshot shows the RSPO PalmTrace software interface. On the left, there's a sidebar with account names like 'IS-CSPD 0', 'IS-CSPKO 0', 'CBPQ 0', 'CBPNE 0', and 'CSPKQ 0'. Below that is a 'Billing overview' section with a 'Transactions' button. The main area is titled 'Open orders IS-CSPKO' and shows a table of orders. One specific offer is highlighted with an orange box: Order number 170, Type 'offer', Nominal quantity '100 IS-CSPKO', Lot '10.00 USD', Status 'open', Executed 'IS-CSPKO', Price '10.00', and Rate '10.00 USD IS-CSPKO'. To the right of this table is a 'Offer' dialog box with fields for 'Nominal/quantity' (100), 'Rate' (10), and 'Counterparty' (RSPO_P0123456789). A green 'Offer' button is at the bottom of the dialog.

Untuk mendaftarkan rundingan luar pasaran ('OMD'), mula-mula pilih jenis kredit yang anda telah jual kepada pembeli pilihan anda.

Dalam bahagian 'Offer' jenis kredit yang dipilih, pilih 'OMD'. Masukkan amaun kredit yang anda telah jual dan harga bagi setiap kredit yang anda telah terima. Kemudian, sila masukkan 'ID' Ahli RSPO PalmTrace pembeli kredit. Anda boleh menggunakan fungsi carian untuk mencari pembeli contohnya melalui nama syarikat mereka.

Klik pada 'Offer' dan sahkan rundingan luar pasaran ('OMD'). Kini pembeli akan menerima satu permintaan yang mereka boleh terima atau tolak.



This screenshot shows the same 'Open orders IS-CSPKO' screen as the previous one, but now it includes a message at the top right: 'Your offer has been requested for IS-CSPKO. It's available at 10.00 USD per hectare. Your seller number is 170'. The offer for 100 units at 10 USD is still highlighted with an orange box. The rest of the table and interface elements are identical to the first screenshot.

Sehingga pembeli menerima atau menolak perjanjian luar pasaran tersebut, anda masih boleh membatalkannya. Cari transaksi tersebut di bawah 'Open orders' anda. Dengan klik pada simbol pangkah, anda boleh membatalkan perjanjian luar pasaran yang masih tertangguh tersebut.

Sekiranya pembeli kredit mendaftarkan rundingan luar pasaran ('OMD') tersebut, anda akan melihat satu permintaan dalam 'Open orders' anda. Anda boleh menerima atau menolak perjanjian luar pasaran tersebut.



Order number	Type	Instrument	Limit	Status	Executed	Price	Rate
100	offer	100 IS-CSPKO	10.00 USD	responded	100 IS-CSPKO	1,000.00 USD	10.00 USD/IS-CSPKO
110	offer	100 IS-CSPKO	7.50 USD	open	- IS-CSPKO	- USD	- USD/IS-CSPKO
111	offer	70 IS-CSPKO	10.00 USD	open	- IS-CSPKO	- USD	- USD/IS-CSPKO
112	offer	50 IS-CSPKO	8.00 USD	open	- IS-CSPKO	- USD	- USD/IS-CSPKO

Membatalkan tawaran

Jika anda telah membuat satu tawaran tetapi mahu membatkalkannya, anda boleh berbuat demikian sebelum padanan dengan pembeli dibuat.



Order number	Type	Instrument	Limit	Status	Executed	Price	Rate
100	offer	100 IS-CSPKO	10.00 USD	responded	100 IS-CSPKO	1,000.00 USD	10.00 USD/IS-CSPKO
110	offer	100 IS-CSPKO	7.50 USD	responded	100 IS-CSPKO	1,000.00 USD	10.00 USD/IS-CSPKO
111	offer	70 IS-CSPKO	10.00 USD	open	- IS-CSPKO	- USD	- USD/IS-CSPKO
112	offer	50 IS-CSPKO	8.00 USD	open	- IS-CSPKO	- USD	- USD/IS-CSPKO

Untuk membatalkan tawaran, pergi ke 'Open orders' anda dan klik pada simbol pangkah pada tawaran yang anda ingin batalkan.

Pembayaran

Apabila terdapat padanan dengan pembeli dan apabila anda menerima satu rundingan luar pasaran ('OMD'), invois untuk pembeli kredit tersebut akan dibuat. Pembeli perlu membuat bayaran dalam masa 14 hari kepada UTZ, penyedia RSPO PalmTrace. Apabila bayaran telah diterima, UTZ akan memindahkan wang untuk RSPO Credits kepada anda. Pembeli kredit akan menerima RSPO Credits anda di dalam akaun 'Book and Claim' mereka dan boleh menuntutnya.

Sejarah Perdagangan, Gambaran Keseluruhan Transaksi dan Pengebilan



Amount	Date	Type
-100 IS-CSPKO	2016-12-21 18:19:33	Trade
-70 IS-CSPKO	2016-12-21 18:41:57	Trade
100 IS-CSPKO	2016-12-21 18:41:07	Trade

Pilih jenis kredit yang anda ingin lihat sejarah perdagangan atau transaksinya.

Sejarah Perdagangan – Gambaran keseluruhan lengkap semua aktiviti perdagangan yang telah dilaksanakan, termasuk pesanan-pesanan yang dibatalkan. Dengan klik pada simbol anak panah dagangan yang tertentu, anda akan mendapat maklumat yang lebih terperinci, contohnya tentang pembeli kredit.

Transaksi – Gambaran keseluruhan tentang kredit anda yang akan masuk (yang diperuntukkan) dan yang akan keluar (dijual).

Transaksi (Gambaran keseluruhan pengebilan) – Gambaran keseluruhan kewangan jualan kredit anda.

Akaun Anda

Screenshot of the 'Profile' section of the Palm Trace RSPO application interface. The top navigation bar includes icons for Help, Trade, Profile (which is highlighted with a red box), Support, and Close. The main area shows a form with the following fields:

Profile
Name: Smallholder_1
Country: NL
City: Unnamed City
Paimail account: RSPO_PO1000002624
Account: RSPO_AC1000002616
RSPO number: 0-0000-00-00-00
Categories: Independent smallholder
GPS coordinates: GPS coordinates
Subscribed e-mails:
<input checked="" type="checkbox"/> Buy order executed
<input checked="" type="checkbox"/> Sell order executed
<input checked="" type="checkbox"/> Off market deal accepted
<input checked="" type="checkbox"/> Off market deal requested
<input checked="" type="checkbox"/> Ready to claim
<input checked="" type="checkbox"/> Payment sent

Di bawah '*Profile*', anda boleh melihat butiran akaun anda. Di sini anda boleh memilih pemberitahuan melalui emel yang anda mahu terima. Biasanya, anda akan menerima semua pemberitahuan melalui emel tetapi dengan membuang tanda pada kotak-kotak bertanda, anda boleh memilih untuk tidak mahu menerima jenis-jenis emel yang tertentu.

Sokongan

Palm Trace Buyer_1

Questions?

Contact our support team via the form below, mentioning your member ID (example: RSPO_PO0123456789). We will get back to you as soon as possible. You can also reach us via phone at: +31 20 820 8968 (European working hours) or via email at palmtrace-support@utz.org.

B I Toggle HTML

Send

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai penggunaan RSPO PalmTrace, anda boleh menghantar mesej kepada pasukan sokongan kami melalui borang yang disediakan. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi pasukan sokongan melalui [emel](#) atau telefon (+31 20 820 8968).